



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 26 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KADA MAJUKAN SEMULA 243 HEKTAR TANAH SAWAH TERBIAR, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
2.	KADA TEROKA KAWASAN AIR MASIN, TAMBAH LUAS TANAMAN PADI, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 22	
3.	KADA SUMBANG 9.5 PERATUS BEKALAN BERAS PUTIH MALAYSIA, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 9	
4.	KADA PULIHKAN KAWASAN AIR MASIN, TAMBAH BENDANG, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 10	
5.	CEKAP PANJAT POKOK, CANTUM TUNAS DURIAN JADI SUMBER REZEKI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 8	LAIN – LAIN
6.	NASIB DURIAN MACAM HARGA GETAH, NEGARA, KOSMO, M/S – 11	
7.	CRUSHING SUSTAINABILITY WITH DISCARDED EGGSHELLS, EVENTS, THE STAR, M/S – 7	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

KADA majukan semula 243 hektar tanah sawah terbiar

Kota Bharu: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) akan memajukan semula tanah sawah terbiar seluas 243 hektar, di Tumpat bagi meningkatkan pengeluaran padi Kelantan.

Pengerusi KADA, Khalid Abdul Samad, berkata pihaknya akan bekerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK).

"Usaha itu akan membuka peluang kepada KADA membawa kerajaan negeri melalui PKPNK melihat setiap proses dalam mengusahakan bendang yang bermula dari awal sehingga akhir.

"Projek itu dijangka dilaksanakan pada musim pertama tanaman iaitu Jun ini. Namun, ia masih dalam proses perundingan kerana sebahagian tanah terba-

bit kini digunakan untuk penernakan lembu dan kerbau," katanya selepas Amanat Tahun Baharu KADA 2026 di sini, semalam.

Khalid berkata, penerokaan kawasan tanaman padi baharu di zon terjejas air masin juga akan dilaksanakan.

"Ia membabitkan pemulihan kawasan bendang seluas 60 hektar yang dimasuki air masin di Simpangan, Tumpat. Sebelum ini, itu kawasan tanaman padi tapi dimasuki air laut.

"Kita nak pertimbangkan membina empangan tambahan dalam usaha pemulihan bendang dimasuki air masin," katanya.

Beliau berkata, kawasan tanaman padi di bawah KADA pada masa ini seluas 760 hektar.



Khalid (dua dari kiri) bersama Pengurus Besar KADA, Mohd Faizul Mustafa (kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada penerima pada Majlis Amanat Tahun Baharu KADA 2026 di Kota Bharu, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/1/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	22

KADA teroka kawasan air masin, tambah luas tanaman padi

KOTA BHARU - Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) memulakan penerokaan kawasan tanaman padi baharu di zon terjejas air masin sebagai langkah strategik menambah keluasan jelang padi di negeri ini.

Pengerusinya, Khalid Ab Samad berkata, beberapa kawasan pesisir dan muara yang sering dimasuki air laut dikenal pasti untuk dimajukan semula dengan pendekatan teknologi pertanian, termasuk penggunaan benih padi baharu yang mampu bertahan dalam persekitaran air masin.

"Antara penyelesaian utama ialah penggunaan benih tahan air masin hasil kajian universiti tempatan, selain pembinaan empangan tambahan sekiranya benih sahaja tidak mencukupi untuk mengekang kemasukan air laut," katanya semasa sidang akhbar pada Ahad.

Sebelum itu beliau merasmikan Majlis Amanat Tahun Baharu Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Ibu Pejabat KADA di sini.

Menurut beliau, kawasan seluas kira-kira 60 hektar sawah padi di Simpangan, Tumpat dikenal pasti terjejas akibat air masin dan kini menjadi antara tapak utama projek rintis pemulihan tanaman.

Dalam masa sama, Khalid memberitahu, KADA



Khalid (tengah) semasa sidang akhbar pada Majlis Amanat Tahun Baharu KADA di Kota Bharu pada Ahad.

turut merancang pembangunan kawasan baharu seluas 243 hektar tanah terbiar di Tumpat melalui kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran padi negeri ini.

Ujarnya, projek tersebut dijangka dilaksanakan Jun ini namun masih melalui proses perundingan kerana sebahagian tanah terlibat kini digunakan untuk aktiviti penternakan lembu dan kerbau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/1/2026	HARIAN METRO	LOKAL	9

KADA sumbang 9.5 peratus bekalan beras putih Malaysia

Kota Bharu: Pengeluaran padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mencapai 199,238 tan metrik yang menyumbang 9.5 peratus kepada bekalan beras putih negara pada tahun lalu.

Pengerusi KADA, Khalid Abdul Samad, berkata, berbanding tahun 2024, pengeluaran padi kawasan KADA adalah sebanyak 143,773 tan metrik iaitu 7.4 peratus.

Katanya, peningkatan itu mencerminkan keberkesanan pelaksanaan inisiatif penambahbaikan termasuk pengurusan tanaman yang sistematik, penggunaan input pertanian yang efisien serta sokongan in-

frastruktur yang diperku-kuhan.

"Ia menunjukkan keupayaan KADA memperkukuh sumbangan kepada beka-kan beras negara.

"Selain itu, tahun lalu ju- ga turut menyaksikan ke- jayaan dalam sektor bukan padi yang melahirkan 426 peserta dengan peruntu- kan sebanyak RM73.78 juta bagi usaha pembangunan usahawan tani di bawah se- lian KADA," katanya pada sidang media selepas Ma- jlis Amanat Tahun Baharu KADA 2026 Pengerusi Ber- sama Warga KADA di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerus Besar KADA, Mohd Faizul Mustafa.

Beliau berkata, pelaksa- naan pelbagai program di bawah Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani berjaya mengubah taraf hi- dup dan meningkatkan pendapatan golongan yang memerlukan.

Katanya, walaupun pres- tasi pengeluaran padi me- nunjukkan peningkatan, impaknya tetap terkesan akibat kemarau yang men- cetuskan gangguan beka- kan air, sekali gus menje- jaskan hasil serta penda- patan petani.

"Situasi itu menuntut pendekatan pengurusan sumber air dan mitigasi ri- siko iklim yang lebih stra- tegik, bersepadu dan ber- daya tahan," katanya.



KHALID (dua dari kiri) bersama Mohd Faizul (kiri) selepas Majlis Amanat Tahun Baharu KADA 2026 Pengerusi Bersama Warga KADA di Auditorium Tan Sri Mohamed Yaacob, Ibu Pejabat KADA Kelantan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

KADA pulihkan kawasan air masin, tambah bendang

Oleh MUSTAQIM MOHAMED
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) memberi tiga tumpuan utama tahun ini termasuk penambahan hasil padi melalui usaha perluasan kawasan penanaman dan pemulihan kawasan bendang seluas 60 hektar yang dimasuki air masin di Simpangan, Tumpat, dekat sini.

Pengerusi Kada, Khalid Abdul Samad berkata, pihaknya mempertimbang pilihan pembinaan empangan tambahan dalam usaha pemulihan bendang dimasuki air masin tetapi tumpuan lebih diberikan kepada penggunaan benih padi eksperimen yang lebih menjimatkan kos.

"Pembinaan empangan bagi menghalang air masin memasuki kawasan bendang pasti memerlukan kos tinggi sedangkan kita ada pilihan untuk menggunakan benih padi eksperimen yang dimaklumkan mampu bertahan dalam air masin untuk tempoh dua minggu atau lebih.

"Penyelesaian yang lebih menjimatkan adalah penggunaan benih eksperimental ini. Kalau ia sudah tidak dapat bertahan, kita terpaksa memikir-



KHALID Abdul Samad (depan tengah) bersama-sama warga Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) melafaz ikrar Rukun Negara pada Majlis Amanat Tahun Baharu KADA 2026 di Lundang, Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/MUSTAQIM MOHAMED

kan pembinaan empangan tambahan," katanya selepas Majlis Amanat Tahun Baharu KADA 2026 di Lundang semalam.

Beliau berkata, benih padi eksperimen tersebut belum lagi mempunyai nama tetapi penanamannya dalam plot ujian didapati mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi sebanyak enam hingga lapan tan metrik

sehektar.

"Bagaimanapun itu adalah hasil dalam plot ujian yang lebih kecil serta senang dikawal selia. Ia belum teruji dalam situasi bendang sebenar," katanya.

Dalam pada itu, Khalid berkata, KADA turut ditawarkan kawasan penanaman padi baharu seluas 243 hektar oleh kerajaan negeri dan bercadang memba-

ngunkannya secara kerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK).

Menurutnya, tawaran tanah kosong ini membuka peluang bagi KADA membawa pihak kerajaan negeri untuk melihat dan merasai sendiri setiap proses yang perlu dilalui dalam mengusahakan bendang, iaitu bermula dari awal sehingga proses akhir.

"KADA turut mengemukakan cadangan supaya semua bendang di Machang yang kini tidak berada di bawah mana-mana agensi, untuk dimasukkan ke bawah sistem pengairan kita.

"Kita juga bercadang mengambil kawasan-kawasan bendang di pinggir KADA termasuk dimiliki Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk berada di bawah KADA. Namun proses ini akan mengambil masa dan mungkin tidak sempat direalisasikan pada tahun ini," katanya.

Menurut beliau, KADA merekodkan pencapaian agak memuaskan pada tahun lalu apabila terdapat peningkatan hampir tiga peratus hasil padi berbanding tahun 2024 melalui pengeluaran empat tan metrik padi sehektar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Cekap panjat pokok, cantum tunas durian jadi sumber rezeki

JERANTUT: Dua pemuda Orang Asli di Kampung Damak di sini sanggup memanjat pokok durian kampung setinggi sehingga 10 meter untuk mendapatkan tunas terbaik, sekali gus menjadikan kerja mencantum benih durian premium sebagai sumber pendapatan harian mereka.

Mohammad Firdaus Asing, 24, berkata, dia dan rakannya, Vira Bungai, 14, melakukan kerja itu selepas hasil hutan yang sebelum ini menjadi punca rezeki semakin berkurangan akibat penebangan dan pembangunan.

"Kami belajar hampir seminggu daripada seorang pengusaha sebelum mahir mencantum tunas durian. Kini sehari kami mampu menghasilkan 15 cantuman seorang bergantung keadaan pokok.

"Dalam tempoh dua bulan, kami sudah menghasilkan hampir 2,000 cantuman tunas durian musang king, IOI, damak king dan beberapa baka kampung premium lain yang kemudiannya dipindahkan ke tapak semeaian sebelum dijual kepada pelanggan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Mohammad Firdaus berkata, kerja itu hanya menggunakan sebilah pisau kecil dan perala-



MOHAMMAD Firdaus Asing (kanan) dan Vira Bungai melakukan kerja membalut benih durian selepas dicantum di tapak nurseri Kampung Damak di Jerantut, Pahang.

tan membalut, namun cabaran utama adalah memanjat pokok durian untuk mendapatkan tunas terbaik.

Sementara itu, Vira berkata, mereka menerima bayaran antara RM2 hingga RM3 bagi setiap cantuman dan hasil tersebut digunakan untuk membantu menampung keperluan dapur keluarganya.

"Walaupun kerja ini men-

cabar, ia lebih baik daripada bergantung kepada hasil hutan yang semakin berkurangan," ujarnya.

Jelasnya, kemahiran baharu dalam pertanian perlu dipelajari kerana ia mampu membuka peluang rezeki dan masa depan lebih cerah, sekali gus menjadikan industri durian premium sebagai harapan baharu komuniti tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/1/2026	KOSMO	NEGARA	11



KEJATUHAN harga durian musang king kini mencemaskan sebahagian pekebun. – GAMBAR HIASAN

Nasib durian macam harga getah

SAUDARA PENGARANG,

PADA 2011, seingat saya harga jualan getah di kampung pada harga lebih RM8 sekilogram. Ketika itu, orang kampung macam orang kaya baru.

Antaranya disebabkan bekalan getah jatuh ekoran keadaan cuaca, manakala permintaan tetap tinggi selain gangguan lain di negara pengekspor utama.

Permintaan dari negara membangun, khususnya China dan India, meningkat pesat pada masa itu disebabkan

pertumbuhan ekonomi yang kuat dan berkembangnya industri kereta yang menggunakan banyak getah untuk tayar.

Berikutan itu, ramai pekebun beralih kepada tanaman pokok getah. Habis semua pokok kelapa sawit ditebang dan diganti dengan tanaman getah.

Bagaimanapun, selepas itu, harga getah mula menurun dengan ketara dalam tahun-tahun berikutnya. Ketika ini harga getah di kampung tidak sampai RM3 sekilogram.

Begitu juga dengan nasib pekebun durian musang king

beberapa tahun akan datang. Sebelum ini harga musang king pernah dijual melebihi RM80 sekilogram, tetapi sekarang jatuh kepada RM10 sekilogram.

Keluasan ladang musang king juga telah meningkat setiap tahun sehingga pengeluarannya melebihi permintaan. Ramai pekebun durian kini mula merasa impaknya. Adakah nasib pekebun durian juga akan jadi seperti pekebun getah selepas ini?

PENOREH GETAH
Kuala Kangsar

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/1/2026	THE STAR	EVENTS	7



KELANTAN

Wan Noriah checking on eggshells, which are dried before crushing. The organic fertiliser initiative in Kota Baru aims to reduce food waste. — Photos: Bernama

A RECYCLING programme in Kelantan, which transforms eggshells into organic fertiliser, champions environmental sustainability while providing a vital space for therapy, education, and community engagement.

The project run at Min House Camp in Kubang Kerian, Kota Baru, brings together children with Down syndrome, university students and international volunteers in a nature-based learning environment.

The programme run by Kelantan Down Syndrome Association illustrates how small, simple ideas can deliver meaningful benefits for both people and the planet.

Association president Wan Noriah Wan Ramli, who also owns Min House Camp, said the initiative was now in its 10th year and registered with the Social Welfare Department.

The programme received the Down Syndrome Empowerment Fund for 2026, she said, with a central focus on producing organic fertiliser and compost from natural materials.

"Eggshells are one of the main

Crushing sustainability with discarded eggshells

Simple recycling initiative transforms waste into organic fertiliser

materials used.

"They are often thrown away, yet their calcium content is highly beneficial for soil fertility and plant growth," she said in a Bernama report.

To support the initiative, Min House Camp collaborates with several schools in Kota Baru including SJK (C) Peir Chih and SK Kedai Pah, which collect and donate eggshells for composting.

Wan Noriah noted that the activity also helped children with Down syndrome develop fine motor skills through crushing and grinding the shells.

"This practice can easily be continued at home.

"The initiative helps raise awareness about valuing resources that are often seen as waste," she said.

The programme also receives support from students at higher education institutions such as Universiti Malaysia Kelantan and Politeknik Kota Baru.

The students, who are pursuing disciplines such as agriculture, environmental studies and tourism, take turns providing community service at the site.

Min House Camp is registered as an agro-tourism destination under Agriculture and Food Security Ministry.

To date, more than 1,100kg of

eggshells have been collected from schools, private homes, restaurants and hotels, most of which are dried before use.

"This initiative is not intended to generate profit as we do not sell the fertiliser or crops grown.

"Instead, we practise knowledge and resource sharing to educate the community on cost savings, environmental care and harmonious living," said Wan Noriah.

She added that through the Community Seed Resort Initiative, the sharing of organic seeds and recycling practices helped build a more resilient community, making them less

dependent on commercial resources.

Meanwhile, Moroccan volunteer Elias Azzakriti, 27, described his involvement as a new experience that broadened his understanding of environmental sustainability.

He said he was unaware that eggshells could be used as organic fertiliser, despite traditional lifestyles being common in his country.

Another volunteer, Anas Zehti, 26, explained that the crushed eggshells improved soil structure naturally.

He hopes to share this knowledge with communities abroad.